

DATE: 04/05/1983

# Ucapan PM di sidang Palestin disifatkan sebagai terus terang

**K**UALA LUMPUR 3 Mei - Ucapan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad di majlis perasmian Persidangan Asia mengenai Palestin pagi ini disifatkan oleh para perwakilan sebagai "berterus-terang, tegas, tajam dan jelas".

Menteri Luar Singapura, Encik S. Dhanabalan berkata Datuk Sri Dr. Mahathir telah

mengemukakan satu perkara yang penting dalam ucapannya iaitu tentang masalah Palestin yang perlu diselesaikan dengan segera.

Katanya, "soal waktu sangatlah penting pada ketika ini, memandangkan keadilan yang diperjuangkan oleh rakyat Palestin bukanlah keadilan untuk mereka semata-mata tetapi adalah juga untuk keamanan dunia".

Menurut beliau, Asia Barat adalah seumpama suatu tempat yang mempunyai bom. Jika meletup, seluruh dunia akan turut terlibat.

"Oleh sebab itu, kita tidak mampu lagi menunggu sehingga satu penyelesaian datang sendiri, kita perlu mencarinya dengan segera," tambahnya.

Mengenai kalangan yang mencuba mengha-

lang perlangungan persidangan mengenai Palestin itu, Encik Dhanabalan menegaskan bahawa langkah seperti itu adalah bertentangan dengan usaha yang baik.

"Sebaliknya, setiap rancangan yang bertujuan menyelesaikan masalah Palestin harus digalakkan oleh semua pihak," katanya lagi.

Menteri Luar Indonesia, Profesor Mochtar

Kesumatmadja pula mensifatkan ucapan itu adalah selari dengan pemikiran Kerajaan Indonesia.

"Ucapannya sangat baik, satu kejayaan, berterus-terang dan tegas," katanya.

Setiausaha Agung Persidangan Antara-bangsa mengenai Palestin, Puan Lucille Mair hanya mensifatkan ucapan Perdana Menteri sebagai "sangat cemerlang" dan enggan mengulas tentang kalangan yang mencuba menghalang persidangan ini.

Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), Encik Habib Chatti mensifatkan ucapan itu sebagai sebuah dokumen penting ke arah mencari penyelesaian isu Palestin.

Pengerusi Jawatankuasa Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mengembalik hak mutlak rakyat Palestin, Encik Masambe Saree berkata komitmen Malaysia telah digambarkan oleh ucapan Datuk Sri Dr. Mahathir itu.

Beliau menyatakan bahawa ucapan itu merangkumi semua aspek penting untuk menyelesaikan masalah Palestin.

Pemangku Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Encik Kamaruddin Mohd Nor berkata ucapan Perdana Menteri adalah "tajam, terus-terang".